

12 AUG 2002

BAHASA INGGERIS: PEMIMPIN MCA DAN GERAKAN DIMINTA BERI PENERANGAN

RAUB, 12 Ogos (Bernama) --Pemimpin MCA dan Gerakan diminta mengadakan sesi penerangan kepada masyarakat Cina mengenai pelaksanaan pengajaran matapelajaran Sains dan Matematik dalam bahasan Inggeris di sekolah.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, penerangan itu penting kerana ia boleh memberikan maklumat sebenar kepada mereka mengenai tujuan kerajaan melaksanakan perkara itu.

"Dengan cara ini, masalah tersebut tidak akan diperbesarkan lagi dan diatasi secara baik," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama kakitangan kerajaan daerah Raub di sini, hari ini.

Adnan berkata, semua pihak perlu mengikuti nasihat yang diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, yang tidak mahu isu berkenaan di perbesarkan sehingga boleh menjejaskan perpaduan negara.

Menurutnya, dengan mengadakan penerangan oleh pemimpin kedua parti tersebut, beliau yakin masyarakat Cina akan dapat menerima matlamat sebenar dasar itu dibuat.

-- BERNAMA

HM HIS ZB